



Noor
Mohamad
Shakil
Hameed

Jumlah kerugian RM14.23 juta yang direkodkan membabitkan penipuan urus niaga dalam talian di negara ini bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini membuktikan betapa seriusnya masalah penipuan jual beli dalam talian, sekali gus memerlukan langkah pencegahan sewajarnya.

Dalam tempoh itu jumlah kes yang direkodkan 3,576 kes. Ternyata makin ramai rakyat kita mula menjadi mangsa penipuan individu mahupun sindiket yang bersembunyi di sebalik kemajuan teknologi yang canggih. Beberapa laman web dan media sosial yang terkenal dijadikan lubuk oleh penjenayah kolar putih ini dalam memerangkap mangsa mereka.

Mengikut pihak berkuasa, portal beli-belah mudah.my menerima aduan tertinggi berkaitan penipuan urus niaga dalam talian iaitu sebanyak 1,857 kes membabitkan kerugian RM5.1 juta, ini diikuti Facebook dengan 730 kes (RM3.4 juta) dan WeChat 244 kes (RM544,412).

Penipuan menggunakan Instagram pula mencatatkan jumlah ketiga kerugian tertinggi iaitu RM2.09 juta membabitkan 154 kes. Ini menunjukkan kemajuan teknologi bukan saja membawa pelbagai kebaikan tetapi turut mengundang malapetaka yang besar jika tidak berhati-hati menguruskannya.

Antara faktor penipuan dikenal pasti mangsa tertarik dengan harga murah sesuatu barang yang dijual, sebagai penjual mangsa tertipu dengan SMS atau e-mel palsu yang nampak begitu meyakinkan tentang transaksi bayaran daripada pembeli palsu serta ada juga penjenayah yang sudah mula menggunakan taktik meletakkan pelbagai ayat suci al-Quran dan hadis Nabi sebagai umpan untuk mengaburi mata mangsa.

Barangan popular yang sering dijadikan umpan ialah telefon pintar model terbaru berjenama seperti Iphone dan Samsung serta komputer riba.

Hakikatnya kita perlu

sentiasa sedar urusniaga dalam talian baik membeli mahupun menjual memang terdedah dengan pelbagai risiko. Hal ini kerana kita sering berurusan dengan orang yang tidak dikenali. Justeru kitalah yang perlu lebih berhati-hati sebelum sesuatu yang tidak diingini berlaku. Dalam konteks ini statistik pihak berkuasa membuktikan masih ramai anggota masyarakat kita leka dan mudah terpedaya dengan urusniaga dalam talian sehingga mudah tertipu.

Maka eloklah kita ambil iktibar agar tidak terus menjadi mangsa keadaan. Kita akui zaman sudah berubah, perkembangan teknologi yang terlalu pesat membolehkan kita melakukan pelbagai urusan di atas talian termasuk membeli-belah baik di dalam negara mahupun dari luar negara.

Ringkasnya segala urus niaga dapat dilakukan dihujung jari dalam sekilip mata. Jadi kita tidak boleh lari dari kenyataan ini, malah perlu menyesuaikan diri kita agar sentiasa mengikuti arus perubahan yang sedang dan bakal berlaku. Malah, jika digunakan dengan jujur dan bijak proses pemasaran dan jual beli atas talian ini boleh memberikan pulangan yang berlipat ganda kepada peniaga.

Namun dalam kita ghairah berurus niaga dalam talian jangan juga lupa betapa semakin ramai juga yang mula mengambil kesempatan dengan pelbagai dakyah dan tipu helah asalkan boleh mengaut keuntungan yang berlipat ganda. Bagi mereka apa yang penting ialah keuntungan wang ringgit maka matlamat menghalalkan cara adalah perkara biasa dan tidak dilihat sebagai satu kesalahan yang besar.

Jadi sebagai pengguna marilah kita tunjuk kuasa beli kita. Gunakan segala kebijaksanaan yang ada dan jangan mudah tertipu dan terpedaya dengan individu mahupun sindiket yang sentiasa menunggu peluang yang terhidang. Kita boleh mengamalkan beberapa tip yang berkesan supaya tidak menjadi mangsa penipuan dalam talian.

Antara tip yang paling asas jika kita betul-betul tidak yakin dengan sesuatu urus niaga, maka wajar tidak melukukannya. Ini hak kita yang mutlak. Tiada siapa boleh memaksa kita untuk membeli mahupun



FAKTA
RM14.23 juta
direkodkan
membabitkan penipuan
urus niaga dalam talian
bagi tempoh Januari
hingga Jun 2017

Waspada urus niaga dalam talian



siasat kesahihan dan rasional di sebalik tawaran harga yang murah mahupun yang tidak masuk akal. Hal ini kerana barangan seperti telefon pintar misalnya sudah ditetapkan harga pasaran yang tertentu dan tidak mungkin dapat dibeli dengan harga jauh lebih rendah. Penggunaan logik akal sangat penting dalam proses ini. Sepatutnya kita sudah boleh membaca taktik licik penjenayah yang cuba mengumpamkan kita dengan harga tidak masuk akal untuk barang yang sudah jelas harga pasarnya. Jadi sebagai pengguna janganlah tamak dan tertipu dengan begitu mudah sekali.

Kita juga wajar teliti dan semak dahulu sebelum membuat sesuatu bayaran. Memang kita tiada pilihan di mana kebiasaan kita perlu membayar terlebih dulu ketika membuat tempahan dan pembelian secara dalam talian, namun itu tidak menghalang kita untuk berhati-hati.

Misalnya, sebelum membayar pastikan syarikat atau individu ini boleh

membayar dalam talian. Dalam kes kurang keyakinan seperti ini elok melakukan urusan jual beli secara tradisional iaitu berjumpa secara bersemuka dan selesaikan urus niaga dengan

baik.

Namun penulis percaya kebanyakan daripada kita terutama generasi muda hari ini lebih berminat berurus niaga dalam talian kerana cepat dan mudah. Jadi

kelompok ini perlu lebih berhati-hati.

Jangan mudah terpedaya dengan harga murah dan tawaran menarik yang disediakan oleh pihak yang kita tidak kenali. Kita wajar

diperdaya, malah segala rekod transaksi pembelian juga perlu disimpan sebagai bahan bukti jika hendak membuat sebarang aduan kelak. Semaklah latar belakang syarikat, individu dan nombor akaun di beberapa laman web mahupun laman sosial bagi memastikan ia bukan palsu atau bermasalah yang mungkin sudah diadukan oleh mana-mana pengguna lain. Dengan cara ini kita dapat elak membuat bayaran ke akaun palsu atau ‘hantu’ di mana pemilik akaun lesap selepas menerima bayaran.

Pada masa sama, kita sebagai penjual juga perlu berhati-hati. Ramai juga yang cuba menipu dan mendapatkan barang kita tanpa sebarang bayaran seperti dianjikan. Jadi sebagai penjual pastikan pembeli sudah membuat bayaran diperlukan sebelum barang diserahkan atau dipos. Jangan sesebak kirim barang tanpa menerima sebarang bayaran kerana ia mengundang risiko cukup tinggi untuk ditipu.

Pokok pangkalnya kitalah yang perlu menjaga hak dan kebijakan diri sendiri. Mana mungkin pihak berkuasa dapat memantau semua peniaga dan urus niaga atas talian. Gunakanlah hak dan kebijaksanaan sebagai pengguna untuk lebih berwaspada ketika berurus niaga dalam talian. Ingat, sesal dulu ada pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya.